

Mencungkil Potensi Murid Berkeperluan Khas (MBK) Melalui Karnival Permainan Pendidikan Khas Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2019



Labuan, 3 Sept – Karnival Permainan Pendidikan Khas Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2019 telah diadakan bermula 27 hingga 29 Ogos 2019 bertempat di Kompleks Sukan Wilayah Persekutuan Labuan.

Seramai 189 orang Murid Berkeperluan Khas (MBK) dari Program Pendidikan Khas Integrasi, Guru-Guru Pendidikan Khas dan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) Pendidikan Khas melibatkan enam sekolah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) menyertai karnival ini.

Sekolah-sekolah yang menawarkan PPKI di sekolah Wilayah

Persekutuan Labuan adalah SMK Lajau, SMK Mutiara, SK Pekan Satu, SK Bukit Kalam, SK Ranca-Ranca dan SK Pantai.

Karnival ini adalah bertujuan untuk mencungkil bakat Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam bidang sukan dan permainan dan seterusnya melahirkan atlet yang terdiri daripada MBK yang boleh diketengahkan ke peringkat negeri atau kebangsaan.

Antara pengisian Karnival Permainan tersebut adalah melibatkan Pertandingan Futsal, Badminton, Bocee dan Petanque.

Pertandingan Futsal yang diselenggarakan oleh SMK Lajau telah diadakan pada 27 Ogos 2019 bertempat di Gelanggang Futsal, Kompleks Sukan Labuan. Manakala Pertandingan Badminton bagi kategori Perseorangan dan Bergu pula diadakan pada 27 dan 28 Ogos 2019. Pertandingan Badminton ini telah diselenggarakan bersama diantara SK Pekan Satu dan SK Pantai.



PPKI Sk Pantai dinobatkan sebagai johan Futsal sekolah rendah

Manakala Pertandingan Badminton bagi kategori Perseorangan dan Bergu pula diadakan pada 27 dan 28 Ogos

2019. Pertandingan Badminton ini telah dikelolakan bersama diantara SK Pekan Satu dan SK Pantai.

Pertandingan Bocce kelolaan SK Ranca-Ranca dan SK Bukit Kalam telah diadakan pada 28 Ogos 2019 dan melibatkan semua MBK yang dikategorikan sebagai MBK Berkefungsian Rendah.

Manakala SMK Mutiara pula mengelolakan Pertandingan Petanque yang melibatkan penyertaan daripada MBK, Guru dan PPM Pendidikan Khas. Pertandingan Petanque ini telah diadakan pada 28 dan 29 Ogos 2019 bertempat di Gelanggang Petanque, Kompleks Sukan W.P. Labuan

Majlis Perasmian Penutupan Karnival Pendidikan Khas Peringkat W.P. Labuan Tahun 2019 yang telah dirasmikan oleh Encik Raisin Saidin, Pengarah Pendidikan W.P. Labuan telah berlangsung pada 29 Oktober 2019 bertempat di Ruang Legar *My Park*, Kompleks Sukan Wilayah Persekutuan Labuan.



Encik Raisin Saidin ketika menyampaikan ucapan Penutupan Karnival Permainan Pendidikan Khas WP Labuan 2019
Majlis ini turut sama dihadiri oleh Puan Mahanum bin Fauzi, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Puan Maimoon

binti Matnoh, Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, Encik Afandi bin Nasir, Penolong Pengarah Unit Pendidikan Khas, Pengetua, Guru Besar dan Penolong Kanan Pendidikan Khas serta guru-guru dan MBK PPKI di keenam-enam sekolah.

Dalam ucapan Encik Raisin Saidin pada majlis tersebut, beliau mengingatkan kepada semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung pada anak-anak MBK, sama ada Guru, Ibu Bapa atau komuniti masyarakat, supaya sentiasa mencari peluang untuk mencungkil bakat dan potensi MBK dalam apa-apa bidang yang bersesuaian dengan mereka.

Beliau juga berharap program ini mampu memupuk keyakinan diri kepada MBK supaya boleh bersaing dengan rakan sebaya yang lain.

Berita Oleh : Cik Maznah Embran, Sektor Pengurusan Sekolah